



**BAHAGIAN SUKAN, KOKURIKULUM DAN KESENIAN**

*Sports, Co-curricular and Arts Division*

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

*Ministry of Education Malaysia*

Aras 1, 2 & 7, Blok E13, Kompleks E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62604 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Telefon : +603 8884 1001 / +603 8884 1002  
Faks : +603 8884 1034 / +603 8888 6790  
Laman Web : [www.moe.gov.my](http://www.moe.gov.my)

---

Ruj. Tuan : BBM/MOE/23/DEC(1)  
Ruj. Kami : KPM.600-4/2/13 ( 15 )  
Tarikh : **23** Januari 2024

**Setiausaha Eksekutif**

The Boys' Brigade in Malaysia  
BBM Headquarters  
B.B. House, 5 Jalan Anak Gasing 6/5  
46000 Petaling Jaya, Selangor

Tuan,

**MAKLUM BALAS PERTUKARAN TARIKH PROGRAM ANTARABANGSA BRIGED PUTERA MALAYSIA-PESTA 2024 KE-25**

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk dan surat daripada pihak tuan bertarikh 22 Disember 2023 adalah berkaitan.

2. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menerima dan meneliti surat penangguhan dan mengambil maklum bahawa Program Antarabangsa Briged Putera Malaysia Pesta 2024 Ke-25 anjuran The Boys' Brigade in Malaysia telah bertukar tarikh ke **16 hingga 21 September 2024**.

3. Walau bagaimanapun, pihak KPM ingin menarik perhatian pihak tuan bahawa pelaksanaan aktiviti berkenaan hendaklah mematuhi syarat serta Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) yang telah digariskan dalam surat maklum balas nombor rujukan KPM.600-4/2/13 (14) bertarikh 13 Oktober 2023 yang dikeluarkan untuk Program Antarabangsa Briged Putera Malaysia Pesta 2024 Ke-25 anjuran The Boys' Brigade in Malaysia.

4. Untuk sebarang pertanyaan berhubung perkara ini, pihak tuan boleh menghubungi **En. Ong Gim Huat** di talian **03-8884 1256** atau e-mel **kevin.ong@moe.gov.my**.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menandatangani amanah,

**(ZAINUREN BIN HJ. MOHD NOR)**

Pengarah  
Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian  
Kementerian Pendidikan Malaysia



Rujukan Kami: BBM/MOE/23/DEC(1)

Tarikh: 22 Dec 2023

**Pengarah**

Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian  
Kementerian Pendidikan Malaysia  
Aras 1,2 & 7, Blok 13  
Kompleks Kerajaan Parcel E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62604 PUTRAJAYA  
(u.p. En. Ong Gim Huat)

PEJABAT PENGARAH BSKK			
TP SDPP	<input type="checkbox"/>	Tindakan	<input checked="" type="checkbox"/>
TP SKKP	<input checked="" type="checkbox"/>	Bincang	<input checked="" type="checkbox"/>
TP SPSKM	<input type="checkbox"/>	Makluman	<input type="checkbox"/>
TP SPK	<input type="checkbox"/>	Sila Hadir	<input type="checkbox"/>
KPP SKP	<input type="checkbox"/>	Fail	<input type="checkbox"/>
PA	<input type="checkbox"/>		

Catatan :

Tarikh: 21/1/2024

PENGARAH BSKK



Tuan,

**MAKLUMAN PERTUKARAN TARIKH PROGRAM ANTARABANGSA BRIDGED PUTERA MALAYSIA-PESTA 2024 KE-25**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk

- Dimaklumkan bahawa tarikh Program Antarabangsa Bridged Putera Malaysia Pesta 2024 Ke-25 telah ditukarkan berikutan hasil perbincangan serta persetujuan pihak berkenaan.
- Berikut merupakan pertukaran tarikh baru program:
  - Tarikh lama: 23 - 28 Disember 2024
  - Tarikh baru: 16 - 21 September 2024
- Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini, pihak tuan. boleh menghubungi saya, di talian +6012-8809289 ataupun emel [george@bbmalaysia.org](mailto:george@bbmalaysia.org)

Perhatian dan kerjasama tuan dalam perkara ini adalah amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

Saya yang benar,

**George Ong**

Setiausaha Eksekutif

b.p. Pengerusi Penganjur Pesta 2024 - En Hii King Ong ([hiikingong@yahoo.com](mailto:hiikingong@yahoo.com))

En Kein

Makluman

ZULKIFLI BIN NORDIN

Timbalan Pengarah  
Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian  
Kementerian Pendidikan Malaysia



3/1





Rujukan Kami: BBM/MOE/23/DEC(1)

Tarikh: 22 Dec 2023

**Pengarah**

Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian  
Kementerian Pendidikan Malaysia  
Aras 1,2 & 7, Blok 13  
Kompleks Kerajaan Parcel E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62604 PUTRAJAYA  
(u.p. En. Ong Gim Huat)



PEJABAT PENGARAH BSKK			
TP SDPP	<input type="checkbox"/>	Tindakan	<input checked="" type="checkbox"/>
TP SKKP	<input checked="" type="checkbox"/>	Bincang	<input type="checkbox"/>
TP SPSKM	<input type="checkbox"/>	Makluman	<input type="checkbox"/>
TP SPK	<input type="checkbox"/>	Sila Hadir	<input type="checkbox"/>
KPP SKP	<input type="checkbox"/>	Fail	<input type="checkbox"/>
PA	<input type="checkbox"/>		
Catatan :			
Tarikh : 21/12/2023			

Tuan,

**MAKLUMAN PERTUKARAN TARIKH PROGRAM ANTARABANGSA BRIGED PUTERA MALAYSIA-PESTA 2024 KE-25**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk

- Dimaklumkan bahawa tarikh Program Antarabangsa Briged Putera Malaysia Pesta 2024 Ke-25 telah ditukarkan berikutan hasil perbincangan serta persetujuan pihak berkenaan.
- Berikut merupakan pertukaran tarikh baru program:
  - Tarikh lama: 23 - 28 Disember 2024
  - Tarikh baru: 16 - 21 September 2024
- Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini, pihak tuan. boleh menghubungi saya, di talian +6012-8809289 ataupun emel [george@bbmalaysia.org](mailto:george@bbmalaysia.org)

Perhatian dan kerjasama tuan dalam perkara ini adalah amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

Saya yang benar,

**George Ong**

Setiausaha Eksekutif

b.p. Pengerusi Penganjur Pesta 2024 - En Hii King Ong ([hiikingong@yahoo.com](mailto:hiikingong@yahoo.com))



**BAHAGIAN SUKAN, KOKURIKULUM DAN KESENIAN**

*Sports, Co-curricular and Arts Division*

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

*Ministry of Education Malaysia*

Aras 1, 2 & 7, Blok E13, Kompleks E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62604 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Telefon : +603 8884 1001 / +603 8884 1002  
Faks : +603 8884 1034 / +603 8888 6790  
Laman Web : www.moe.gov.my

Ruj. Tuan :  
Ruj. Kami : KPM.600-4/2/13 ( 14 )  
Tarikh : 13 Oktober 2023

**Setiausaha Eksekutif**

The Boys' Brigade in Malaysia  
BBM Headquarters  
B.B House, 5 jalan Anak Gasing 6/5  
46000 Petaling Jaya, Selangor

Tuan,

**MAKLUM BALAS PENGANJURAN DAN PENGLIBATAN MURID-MURID DALAM PROGRAM ANTARABANGSA BRIDGED PUTERA MALAYSIA-PESTA 2024 KE-25**

Dengan segala hormatnya saya ingin merujuk kepada perkara di atas dan surat daripada pihak tuan bertarikh 20 September 2023 adalah berkaitan.

2 Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian (BSKK) telah menerima dan meneliti permohonan penganjuran program di atas daripada pihak tuan. Pihak KPM mengalu-alukan inisiatif agensi kerajaan dan agensi bukan kerajaan dalam membantu membangunkan aktiviti kokurikulum di negara ini.

3. Sehubungan dengan itu, pihak KPM mengambil maklum akan permohonan pihak tuan serta **tiada halangan** bagi penganjuran **Program Antarabangsa Bridged Putera Malaysia-Pesta 2024 Ke-25** pada **23 hingga 28 Disember 2024**. Walau bagaimanapun, pihak KPM ingin menarik perhatian tuan bahawa pelaksanaan aktiviti berkenaan hendaklah memenuhi syarat serta mematuhi Surat Pekeliling Ikhtisas KPM Bil.8/1995, Bil.7/1988, Bil.8/2009, Bil.5/2018, Surat Siaran Pengurusan Kokurikulum Bil.2/2010, Surat Siaran Bil.3/2023 dan garis panduan terkini yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Perkara yang perlu dipatuhi dalam melaksanakan aktiviti adalah seperti berikut:

- 3.1 pihak penganjur hendaklah mendapatkan kebenaran secara bertulis daripada pihak Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) serta sekolah yang berkenaan;
- 3.2 semua murid terlibat hendaklah mendapat kebenaran dan persetujuan daripada pengetua/guru besar sekolah yang terlibat bagi menyertai program ini;
- 3.3 penyertaan murid hendaklah secara sukarela dan mendapat kebenaran daripada ibu bapa/penjaga;
- 3.4 pihak penganjur adalah bertanggungjawab untuk mendapatkan kelulusan penganjuran program daripada pihak-pihak berkaitan;



- 3.5 surat ini **tidak boleh** diguna pakai bagi maksud untuk mendapatkan sumbangan serta tajaan daripada mana-mana pihak berkenaan;
- 3.6 penyertaan guru/murid **tidak mengganggu atau menjelaskan** waktu pengajaran dan pembelajaran (PdP)/Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR)/program/aktiviti sekolah;
- 3.7 pihak penganjur hendaklah memberikan maklumat program kepada pihak sekolah supaya boleh dimaklumkan kepada murid yang terlibat;
- 3.8 pihak penganjur bertanggungjawab menguruskan insuran kemalangan yang bersesuaian dengan aktiviti yang dijalankan, menjaga kesihatan, keselamatan dan kebajikan semua murid yang terlibat dengan program ini;
- 3.9 sekiranya sekolah yang dijemput mempunyai program pada hari cuti hujung minggu, pihak penganjur perlu memberikan laluan murid yang terlibat untuk mengikuti program sekolah;
- 3.10 tiada implikasi kewangan kepada KPM, JPN, PPD, sekolah dan murid yang terlibat (merujuk SPI Bil.5/2018);
- 3.11 pihak penganjur hendaklah bertanggungjawab menanggung semua kos penganjuran program atau aktiviti yang dianjurkan termasuk pengangkutan, makan dan minum; **melainkan mendapat pertimbangan khas daripada Pendaftar;**
- 3.12 bagi mengelakkan sebarang komplikasi kepada kesihatan murid/guru semasa berhadapan dengan fenomena cuaca panas, pihak penganjuran perlu menyediakan kemudahan penyejukan (*cooling facilities*) seperti tempat berlindung (kanopi/payung) ais atau tuala basah serta memastikan murid minum air yang mencukupi sebelum, semasa dan selepas aktiviti dengan menyediakan bekalan air minuman yang mencukupi;
- 3.13 pihak penganjur perlu memantau aktiviti yang boleh mendedahkan murid kepada keadaan cuaca panas dan menangguhkan semua aktiviti luar (*outdoor*) yang sedang berlangsung sekiranya berlaku peningkatan suhu melebihi 35 °C;
- 3.14 penggunaan logo KPM tanpa kelulusan adalah tidak dibenarkan. Pihak penganjur perlu mengemukakan permohonan penggunaan logo KPM berserta dokumen lengkap kepada **Unit Komunikasi Korporat selepas mendapatkan maklum balas/surat sokongan permohonan penganjuran program ini;**
- 3.15 pihak penganjur dimohon memastikan agar penerapan amalan nilai murni dapat dijadikan sebagai salah satu perkara yang wajib dilaksanakan sebelum/semasa/selepas program berlangsung bagi mendokong elemen tadbir urus insan (*Human Governance*) dalam kalangan murid sekolah di bawah KPM (*seperti pemupukan integriti, bersikap jujur, amanah, sifat jati diri terpuji, beretika dan lain-lain*);

- 3.16 bagi tujuan pengiktirafan program, pihak penganjur perlu mengemukakan **satu salinan laporan program yang dijalankan (format seperti di Lampiran A)** kepada **Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian, KPM tidak lebih dari 30 hari selepas tamat program;**
- 3.17 pihak penganjur adalah dimohon untuk mengemukakan **Surat Setuju Terima (seperti di Lampiran B)** kepada pihak BSKK dalam tempoh **14 hari** selepas menerima surat maklum balas permohonan bagi mengesahkan persetujuan untuk melaksanakan program; dan
- 3.18 KPM berhak menarik balik surat penganjuran program ini sekiranya pihak penganjur gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar sedia ada yang sedang berkuat kuasa. Sebarang ketidakakuran akan memberikan kesan kepada permohonan agensi pada masa akan datang.

4. Maklum balas penganjuran program ini hanya untuk The Boys' Brigade in Malaysia yang akan menganjurkan program **Program Antarabangsa Bridged Putera Malaysia-Pesta 2024 Ke-25** pada **23 hingga 28 Disember 2024**. Sebarang kebenaran program baharu hendaklah dikemukakan kepada pihak BSKK, KPM.

5. Untuk sebarang pertanyaan berkaitan perkara ini, pihak tuan boleh menghubungi **En. Ong Gim Huat** di talian **03-8884 1256** atau e-mel **kevin.ong@moe.gov.my**.

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(ABDUL HADI BIN ABDUL RAHMAN)**

b.p. Pengarah  
Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian  
Kementerian Pendidikan Malaysia



**LAPORAN  
(NAMA AKTIVITI / PROGRAM)**

- 1.0 Nama Program/Aktiviti:  
 1.0 Tarikh Pelaksanaan:  
 2.0 Mod Pelaksanaan:  
 3.0 Penyertaan (jantina/bangsa):

BIL	KOD SEKOLAH	SEKOLAH	DAERAH / NEGERI / NEGARA	JANTINA		BANGSA				JUMLAH	
				L	P	MELAYU	CINA	INDIA	LAIN-LAIN	MURID	GURU
1											
2											
3											
4											
5											
6											
7											
<b>JUMLAH</b>											

4.0 Jadual Pengisian / Pelaksanaan Aktiviti:

5.0 Peruntukan / Perbelanjaan yang Diturunkan: (\*\*\*)*Jika berkaitan*)

6.0 Tetamu Kehormat (VIP): (\*\*\*)*Jika berkaitan*)

7.0 Pemenang: (\*\*\*)*Jika berkaitan*)

Kedudukan	KATEGORI PERTANDINGAN				
	Nama murid	Id murid	Sekolah	Kod Sekolah	JPN
Pertama					
Kedua					
Ketiga					
Keempat					
Kelima					

8.0 Isu dan cabaran:

9.0 Elemen *Human Governance* yang dilaksanakan:

10.0 Cadangan penambahbaikan:

11.0 Gambar:

12.0 Salinan Kelulusan Jabatan Pendidikan Negeri

Disediakan Oleh:

Tarikh

## LAMPIRAN B

Rujukan Tuan: KPM.600-4/2/13 ( 14 )

Rujukan Kami:

Tarikh :

### **Pengarah**

Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian  
Kementerian Pendidikan Malaysia  
Aras 1,2 & 7, Blok 13  
Kompleks Kerajaan Parcel E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
**62604 PUTRAJAYA**  
(u.p. En. Ong Gim Huat)

Tuan,

### **SURAT SETUJU TERIMA PENGANJURAN DAN PENGLIBATAN MURID-MURID DALAM PROGRAM ANTARABANGSA BRIDGED PUTERA MALAYSIA-PESTA 2024 KE-25**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk dan surat Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian (BSKK) bernombor rujukan: KPM.600-4/2/13 ( 14 ) bertarikh \_\_\_\_\_ Oktober 2023 adalah berkaitan.

2. Dimaklumkan bahawa pihak \_\_\_\_\_ **mengesahkan persetujuan** untuk melaksanakan/menaja program yang dimohon berdasarkan terma dan syarat pelaksanaan/tajaan program/aktiviti kokurikulum seperti yang dinyatakan pada para 3.1 hingga 3.18 dalam surat Maklum Balas **Penganjuran Dan Penglibatan Murid-Murid Dalam Program Antarabangsa Bridged Putera Malaysia-Pesta 2024 Ke-25.**

3. Pihak The Boys' Brigade in Malaysia akan mengemukakan **satu salinan laporan program** yang dijalankan kepada BSCK **tidak lebih dari 30 hari selepas tamat program** bagi tujuan pengiktirafan program.

4. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini, pihak tuan. boleh menghubungi \_\_\_\_\_ di talian \_\_\_\_\_ atau emel \_\_\_\_\_

Perhatian dan kerjasama tuan dalam perkara ini adalah amat dihargai

Sekian, terima kasih.

Saya yang benar,

.....  
**(Nama)**

Jawatan